

## Cerita Lisan Jakun: Suatu Manifestasi Pengalaman dan Impian

MOHAMAD LUTHFI ABDUL RAHMAN, SHAIFUL BAHRI MD RADZI & HANAPI DOLLAH

### ABSTRAK

*Makalah ini membincangkan serta menginterpretasi cerita-cerita lisan yang dimiliki oleh masyarakat Orang Asli dari suku Jakun. Kajian yang berteraskan kerja lapangan di Kuala Rompin Pahang ini telah menemukan khazanah cerita-cerita lisan masyarakat Jakun yang belum pernah diterokai sebelum ini akibat daripada ketiadaan maklumat di samping lokasi petempatan yang jauh di pedalaman. Cerita lisan yang dimiliki oleh masyarakat tersebut bukanlah sekadar cerita yang hanya bertujuan memberi hiburan semata-mata, tetapi tersirat dengan pelbagai pengajaran dan tauladan dalam konteks kehidupan mereka. Bertitik tolak daripada pandangan Dundes dan Bauman yang menyifatkan cerita-cerita lisan itu sebagai cerminan imej masyarakat pemiliknya, maka cerita lisan Jakun akan dianalisis untuk memperlihatkan pengalaman serta impian mereka dalam menjalani kehidupan sejak zaman berzaman.*

*Kata kunci: cerita-cerita lisan, Orang Asli, cerminan imej, pengalaman, impian*

### ABSTRACT

*This article discusses and interprets oral stories owned by the Orang Asli tribe of the Jakun community. Studies based on field work in Kuala Rompin Pahang have found this treasure of oral stories of the Jakun society that have never been explored before as a result of the lack of information in addition to the settlements being in remote locations. Oral stories that are owned by the community are more than stories that are intended solely to provide entertainment, but imply various teachings and illustrations in the context of their lives. We move with Dundes' and Bauman's opinions that describe the oral stories that reflect the image of society as the owner, then the oral Jakun stories show their experience and their dreams since ages ago.*

*Key words: oral stories, Orang Asli, reflect the image, experience, dreams*

### PENGENALAN

Cerita-cerita lisan atau dikenali juga sebagai cerita-cerita rakyat (*folktales*) merupakan warisan masyarakat yang bernilai dan bermakna. Proses penyampaiannya daripada 'seorang individu kepada seorang individu serta satu generasi kepada satu generasi secara lisan' (Dundes 1965:217) menyebabkan warisan seperti ini masih kekal wujud hingga zaman kini walaupun dalam skala yang kecil. Dalam konteks masyarakat di Malaysia, khazanah cerita lisan ini sinonim dengan budaya warisan masyarakat Melayu apabila pernah muncul Pawang Ana, Awang Batil serta Tok Selampit yang mampu menuturkan cerita-cerita lisan ini. Namun demikian, khazanah ini sebenarnya tidak terbatas dalam masyarakat Melayu sahaja, tetapi turut dikongsi oleh masyarakat Orang Asli dari suku Jakun di Kuala Rompin, Pahang. Struktur dan naratif cerita yang sama tarafnya dengan koleksi masyarakat Melayu telah menjadi faktor untuk mengetengahkan warisan cerita-cerita lisan Orang Asli ini.

Perkara yang lebih penting selain daripada paparan cerita semata-mata ialah kandungan makna cerita tersebut. Cerita-cerita lisan warisan generasi terdahulu seperti ini bukanlah cerita yang hanya bersandarkan kepada dongengan semata-mata, tetapi interpretasi kandungannya lebih menjurus kepada pengertian serta makna yang mendalam tentang realiti kehidupan manusia, malah turut dirujuk kepada zaman-zaman tertentu sebagaimana yang diungkapkan oleh Bauman (1992:113) sebagai:

*What do folktales mean? There have been countless interpretations of these narratives, as if fantasy without reason is senseless, and folktales cannot just be but have meaning. These explicative analyses interpret folktales in terms of a specific frame of reference...*

Terdapat beberapa tulisan serta penelitian sebelum ini yang memperlihatkan perkaitan cerita-cerita lisan Orang Asli ini dengan pengalaman hidup masyarakatnya. Antaranya ialah Howell (1982), Lim Boon Liat (1984) dan juga Holaday (2003) yang mengumpulkan cerita-cerita lisan Orang Asli dari

suku Che Wong dan Jahut. Usaha mereka lebih kepada pengumpulan dan tidak melibatkan analisis dan interpretasi yang mendalam. Juli Edo (1990) pula menampilkan pendekatan kajian yang agak berbeza. Menerusi cerita-cerita lisan masyarakat Semai di Perak, beliau telah mengaitkan cerita tersebut dengan sistem kehidupan masyarakat tersebut meliputi sistem kepercayaan dan juga sistem sosial mereka. Usaha yang sama pernah dilakukan oleh Shaiful Bahri Md Radzi (2004) apabila mengkaji cerita lisan Orang Hulu di Endau, Johor serta mengaitkannya dengannya pengalaman penindasan di era feudal dahulu.

Makalah ini pula bakal mengungkapkan dan menganalisis cerita-cerita lisan masyarakat Jakun di Kuala Rompin, Pahang serta pengalaman masyarakat dalam menjalani kehidupan di zaman feudal, darurat serta kontemporari menerusi “Cerita Kambing Buta” dan “Cerita Awang Miskin”. Makalah ini akan memperlihatkan bagaimana cerita-cerita lisan ini menjadi refleksi atau cerminan kepada pengalaman dan impian masyarakat Jakun ini dalam zaman-zaman yang dinyatakan itu. Metodologi kajian secara wawancara dengan masyarakat setempat telah mendapati bahawa cerita lisan ini sememangnya membawakan pengalaman silam serta impian-impian mereka sebagai manusia yang agak terpencil daripada khalayak umum. Justeru, untuk memaparkan wujudnya perkaitan antara teks cerita dan konteks kehidupan tersebut, maka penelitian kepada latar zaman yang melingkari kehidupan masyarakat Jakun ini merupakan perkara yang penting.

#### LATAR ZAMAN MASYARAKAT ORANG ASLI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Masyarakat Orang Asli mula berhadapan cabaran hidup sejak zaman tradisional lagi. Ini selari dengan isu perhambaan yang telah wujud dan diamalkan di zaman feudal<sup>1</sup>. Boleh dikatakan setiap pembesar Melayu dalam zaman tersebut memiliki hamba mereka sendiri untuk melakukan pelbagai bentuk pekerjaan. Malah Maxwell (1890:249) mendakwa pemilikan hamba di kalangan pembesar dikatakan sebagai simbol kekuatan dan kekuasaan pembesar berkenaan. Jumlah hamba yang dimiliki oleh seseorang pembesar itu akan menunjukkan tahap atau status kedudukannya. Malah tidak janggal jika dikatakan bahawa institusi perhambaan di kalangan orang Melayu di zaman feudal tersebut sememangnya sesuatu yang lumrah<sup>2</sup>.

Dalam konteks masyarakat Orang Asli, mereka juga tidak terlepas daripada terseret ke lembah perhambaan yang menyeksakan hidup mereka. “Perhambaan di kalangan Orang Asli dikatakan bermula sebelum kedatangan penjajah British lagi” (Endicott & Endicott 1993:216) membawa pengertian bahawa perhambaan di kalangan Orang Asli ini turut berlaku di bawah sistem feudal Melayu tersebut. “Perhambaan di kalangan Orang Asli juga dikatakan melibatkan semua suku kaum dan ia berkait rapat dengan kegiatan ekonomi pembesar Melayu”. Orang Asli juga dikatakan sebagai sumber utama kepada bekalan dan penawaran hamba abdi kepada golongan atasan berkenaan. Catatan Endicott juga menunjukkan bahawa Orang Asli agak signifikan jika dirujuk kepada konsep hamba abdi yang sebenar di kalangan pembesar Melayu. Kenyataan itu adalah didasarkan kepada layanan serta tanggapan hina yang dilemparkan kepada komuniti kerdil yang tidak berdaya itu.

Orang Asli juga hidup tertindas dalam institusi perhambaan yang bermula daripada peringkat awal proses mencari hamba-hamba lagi. Endicott & Endicott (1993:221) menjelaskan tentang wujudnya aktiviti menangkap Orang Asli di hutan-hutan untuk dijadikan hamba memandangkan ada permintaan terhadap hamba Orang Asli ini<sup>3</sup>. Aktiviti memburu dan menangkap Orang Asli ini merupakan satu gambaran betapa terseksa dan tertindasnya masyarakat ini diperlakukan sedemikian rupa. Orang Asli sama sekali tidak mampu melawan dengan orang-orang yang memburu dan menangkap mereka itu. Endicott & Endicott (1993:221) juga mengatakan aktiviti menangkap Orang Asli itu umpama memburu binatang liar di hutan. Penangkapan dan buruan terhadap Orang Asli itu adalah satu amalan yang bebas dan dibenarkan oleh pembesar Melayu pada ketika itu. Fenomena ini menyaksikan Orang Asli yang tidak berpengetahuan itu bebas dilakukan apa sahaja ke atas mereka tanpa sebarang tindak balas.

Pengalaman perit di zaman perhambaan itu tidak berakhir begitu sahaja. Kemunculan zaman darurat 1948-1960 yang membelenggu seluruh masyarakat di Tanah Melayu sememangnya meninggalkan kesan penderitaan hidup yang mendalam. Kehadiran dan kemunculan komunis yang kononnya dikatakan untuk membentuk semula perdamaian serta mengembalikan semula keamanan adalah permulaan bentuk penderitaan baru selepas pendudukan Jepun. Walau apa alasan sekalipun yang menjadi tonggak utamanya adalah masyarakat di Tanah Melayu tetap merasai “penderitaan dalam zaman darurat ini

dengan pelbagai bentuk penindasan dan pembunuhan”.

Akibat mendapat tekanan daripada pihak kerajaan dari semasa ke semasa maka penganas ini telah lari jauh ke dalam hutan. Pergerakan komunis yang akhirnya aktif di dalam hutan di samping menggunakan taktik serangan gerila (Hall 1984:1024) memungkinkan mereka turut bertembung dan berhubung dengan masyarakat yang mendiami kawasan hutan-hutan berkenaan. Pada peringkat inilah masyarakat Orang Asli yang mendiami hutan-hutan belantara merasai pula akan tempias keperitan hidup zaman darurat tersebut. Komunis yang bersarang di dalam belantara itu juga pastinya akan cuba mengeksploitasi kehidupan Orang Asli demi kepentingan perjuangan mereka itu. Maka secara rela atau tidak, Orang Asli turut berhadapan dengan komunis ini di dalam hutan tersebut. Secara rasmi, Carey (1976:305) mengakui bahawa “Orang Asli sememangnya menerima impak yang kuat dalam zaman darurat sehingga menjadikan kehidupan golongan itu lebih perit dan terhimpit.”

Kesengsaraan hidup Orang Asli di zaman darurat dapat dilihat dalam beberapa situasi. Orang Asli sebenarnya dieksploitasi untuk kepentingan komunis semasa di dalam hutan. Carey (1976:306) turut mendakwa bahawa “komunis yang tinggal jauh di dalam hutan itu telah menjadikan kewujudan masyarakat kerdil itu sebagai sandaran kemudahan dan kepentingan kepada komunis tersebut.” Masyarakat Orang Asli yang tidak berdaya dan berkuasa itu pula tidak dapat melakukan apa-apa sekadar menanti sahaja segala tindakan yang dilakukan oleh gerila komunis itu. Pihak komunis melihat kewujudan Orang Asli di belantara itu juga sebagai “sumber perolehan makanan dan juga risikan maklumat” (Carey 1976:310).

Miller (1972:132) menggambarkan suatu keadaan sulit kepada Orang Asli kerana komunis sudah kuat mempengaruhi golongan tersebut. Komunis telah berjaya mengawal kehidupan dan pergerakan Orang Asli sepanjang tempoh darurat itu. Penganas juga memenangi hati Orang Asli dengan cara membantu mereka mengusahakan pertanian<sup>4</sup>. Catatan daripada Abdullah CD (1998:149) pula mengatakan bahawa “gerila komunis yang melalui negeri Pahang hingga ke Perak itu telah menemui kawasan perkampungan Orang Asli yang menanam jagung dan sekoi.” Catatan itu menggambarkan Orang Asli telah dibantu komunis sewaktu menuai tanaman tersebut dan hasil tanaman itu pula diserahkan kepada komunis sebagai bekalan

makanan. Walaupun catatan ini agak *bias* terhadap komunis, tetapi hakikat yang perlu diterima ialah ia merupakan bukti menunjukkan bahawa komunis telah menjadikan Orang Asli sebagai alat untuk mendapatkan bekalan makanan di dalam hutan. Penggunaan Orang Asli sebagai sumber mendapatkan bekalan makanan adalah relevan jika dikaitkan dengan kepakaran Orang Asli itu di dalam hutan belantara. Adalah menjadi suatu kesukaran kepada komunis jika tiada sebarang petunjuk daripada penduduk tempatan di hutan itu seperti Orang Asli. Rasa ketakutan yang meninggi di samping ketiadaan keupayaan untuk melawan telah menjadikan mereka hanya menurut perintah.

Keadaan yang terdesak sekali lagi menghantui masyarakat Orang Asli di zaman darurat apabila mereka digunakan oleh pihak kerajaan dan juga pihak komunis sebagai sumber mendapatkan maklumat (Leary 1989:3-4). Pihak kerajaan menggunakan Orang Asli sebagai pengintip kepada gerakan penganas dan pada masa yang sama Orang Asli juga digunakan oleh komunis untuk mendapat maklumat sebaliknya (Carey 1976:310). Pergerakan komunis yang mampu bertahan agak lama seperti diakui oleh Hall (1984:1023) adalah disebabkan sistem risikan dan intipan yang mantap. Kemantapan risikan ini adalah didasarkan juga kepada kepakaran Orang Asli dalam kawasan belantara tersebut. Pastinya setiap gerakan askar kerajaan akan diketahui oleh Orang Asli yang sentiasa berlegar di dalam hutan itu. Maka maklumat kehadiran askar kerajaan di dalam hutan tersebut akan diketahui oleh Orang Asli terlebih dahulu. Begitulah situasi bahaya yang terpaksa dihadapi oleh Orang Asli.

Biarpun zaman perhambaan dan darurat telah berakhir kini, namun Orang Asli tetap dan masih melalui kesukaran hidup dalam zaman kontemporari. Umpama tiada penyelesaian, Orang Asli turut berhadapan dengan kemelut ekonomi dan sosial yang rumit. Mereka tidak dapat meneruskan hidup (*survive*) dalam fenomena dunia yang mencabar keupayaan terhad yang dimiliki mereka. Dalam aspek sosial yang ketara ialah suasana petempatan mereka sendiri. Catatan beberapa pengkaji seperti Maida (1960) dan Carey (1976) menunjukkan bentuk petempatan Orang Asli yang daif dan tidak terurus. Mereka menggambarkan Orang Asli hanya mendiami rumah-rumah atau pondok buruk sekadar melindungi diri daripada hujan dan panas. Petempatan mereka juga sekadar di tepi sungai untuk mendapatkan sumber air.

Walaupun catatan tersebut telah dibuat sekitar puluhan tahun yang lampau, namun keadaan petempatan Orang Asli kini sebenarnya tidak banyak berubah. Buktinya sehingga tahun 2003 sebanyak 398 buah kampung Orang Asli di Semenanjung Malaysia diklasifikasikan sebagai kampung paling mundur, berbanding hanya 17 buah kampung sahaja dikatakan mencapai kemajuan<sup>5</sup>. Kemunduran yang dimaksudkan itu seperti keadaan rumah di kawasan pedalaman dan di dalam hutan masih terlalu daif serta tidak memiliki kemudahan asas yang paling minimum. Mereka masih juga menghuni pondok-pondok buruk yang tidak tersusun dan tidak teratur. Gambaran yang dibuat pada zaman dahulu oleh beberapa pengkaji tersebut masih berpeluang dilihat di sesetengah perkampungan Orang Asli sehingga ke hari ini.

Akibat ketiadaan ilmu, kekurangan kewangan serta ketandusan kuasa, mereka ini dengan mudah sahaja bergantung kepada orang lain untuk hidup. Jika dahulu mereka pernah menjadi mangsa penipuan golongan pembesar Melayu untuk mendapatkan hasil hutan tetapi kini mereka juga alami nasib yang sama apabila terpaksa menjadi mangsa pula kepada pengusaha-pengusaha yang hanya mementingkan keuntungan semata-mata. Akibatnya mereka terpaksa bergantung harap kepada orang tengah untuk mendapat ruang dalam ekonomi semasa. Hasil tanaman dan pengumpulan hasil hutan tetap dijual kepada orang tengah berkenaan dengan harga yang paling minimum. Keadaan ini sebenarnya tetap sama seperti yang pernah digambarkan oleh Hervey (1881) dan Endicott & Endicott (1993) terhadap penindasan ekonomi yang dilakukan ke atas Orang Asli suatu masa dahulu. Kelihatannya mimpi sedih dan ngeri golongan ini tiada penghujungnya<sup>6</sup>.

Senario kesengsaraan hidup masyarakat ini di zaman moden juga adalah tempias daripada pengenalan beberapa dasar yang tidak bersesuaian dengan corak kehidupan mereka ataupun dasar yang tidak sepenuhnya membela nasib Orang Asli. Orang Asli dikatakan telah menjadi mangsa diskriminasi dalam beberapa projek pembangunan masyarakat. Perlaksanaan FELCRA dikatakan tidak memanfaatkan Orang Asli kerana tumpuan hanya diberikan kepada penduduk Melayu sahaja (Zawawi 1996:34). Walaupun ladang-ladang dibina di kawasan petempatan Orang Asli tetapi mereka tidak melibatkan diri dalam projek berkenaan. Akhirnya mereka hanya berpindah sahaja daripada kawasan tersebut. Dalam konteks ini terdapat beberapa kemungkinan yang menyebabkan Orang Asli terpinggir daripada projek sedemikian sama ada

kerana mereka sengaja diketepikan ataupun pekerjaan di ladang tidak sesuai dengan hidup mereka yang akhirnya menyebabkan mereka terus memencilkan diri. Jika terdapat kebenaran berlakunya keadaan sedemikian maka dasar yang dibuat itu tidak membela nasib golongan ini sepenuhnya.

Kemelut Orang Asli dalam isu ini didasarkan juga kepada persoalan dasar yang telah dibuat oleh sesuatu agensi seperti Jabatan Hal Ehwal Orang Asli JHEOA (kini dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Orang Asli, JKOA) sebagai perantara kepada agensi lain dilihat agak pasif untuk berusaha mewartakan tanah-tanah milik Orang Asli. Pada tahun 2003 hanya 4315.71 hektar sahaja tanah yang diwartakan untuk Orang Asli di negeri Pahang<sup>7</sup>. Jumlah ini menyedihkan berbanding jumlah penduduk Orang Asli di Pahang seramai 54290 orang. Keadaan ini mewujudkan situasi yang menggambarkan Orang Asli seolah-olah terkapai-kapai dalam mengusahakan sesuatu tanah<sup>8</sup>. Mereka tidak berani mengusahakan tanah tersebut kerana dikhuatiri tanah berkenaan akan jatuh kepada pihak lain. Walaupun terdapat segelintir masyarakat ini yang terus menanam pelbagai tanaman di atas tanah yang tiada status pemilikannya, tetapi ia tidak akan membawa faedah kepada mereka kerana ia tidak menjamin suatu ketetapan yang berpanjangan. Bila-bila masa sahaja tanah tersebut boleh terlepas kepada orang luar. Hakikat ini turut diperakui oleh Zawawi (1996:34) apabila membongkarkan wujudnya 'geran hantu' iaitu tanah yang diduduki oleh Orang Asli tetapi pemilikannya adalah orang luar. Kesannya akhirnya ialah Orang Asli sentiasa tertindas dalam apa jua keadaan semasa yang berlaku. Keadaan ini sukar diubah memandangkan generasi tersebut juga masih tercicir dalam arus pendidikan semasa yang akhirnya terus menjadikan mereka kekal di tahap sekarang serta mewarisi kemunduran ini.

#### LATAR ZAMAN ORANG ASLI DALAM CERITA LISAN JAKUN

Cerita-cerita lisan yang dimiliki oleh Orang Asli Jakun ini bukanlah sebuah kisah yang kering daripada kandungan makna yang bermanfaat sebaliknya kisah lisan itu mendukung erti sebuah kehidupan masyarakat terpencil dan terbiar. Masyarakat ini dianggap kerdil dibandingkan dengan komuniti luar yang lebih bergaya dan berjaya corak hidup mereka.

Cerita ini bakal membongkarkan keperitan, kesengsaraan serta pengalaman pahit hidup mereka dengan cara menyelitkan rasa kekerdilan mereka itu dalam susunan plot cerita lisan yang dipusakai sejak sekian lama. Naratif manusia kerdil itu juga turut membisikkan segala impian, harapan serta keinginan Orang Asli untuk dipandang hebat, istimewa di samping dapat meletakkan diri mereka setanding dengan masyarakat umum. Situasi perkaitan antara teks dan konteks ini terlebih dahulu pernah diakui oleh Dundes (1980: viii) sebagai:

*I am interested in folklore because it represents a people's image of themselves. The image may be distorted but at least the distortion comes from the people, not from some outside observer armed with a range of priory premises. Folklore as a mirror of culture provides unique raw material for those eager to better understand themselves and others.*

Berdasarkan pandangan Alan Dundes, sastera rakyat sering kali bertindak sebagai cerminan kepada kehidupan sebenar masyarakat di persekitaran teks tersebut. Imej-imej manusia akan terjelma dalam karya tersebut, seterusnya khalayak akan mengetahui situasi sebenar yang cuba disampaikan serta memahami sesuatu kemelut yang sedang melanda masyarakat dalam teks tersebut.

Hal yang sama turut diungkapkan oleh Linda Tuhiwai Smith (1999:145) apabila menyifatkan 'the story and story teller both serve to connect the past with the future, one generation with the other, the land with the people and the people with the story'. Justeru, cerita lisan yang disampaikan itu dilihat sarat pelbagai makna dalam kehidupan manusia, pengalaman mereka juga tentang tanah air mereka sendiri. Pencerita tidak dianggap sebagai penyampai cerita-cerita kosong sekadar hiburan sahaja tanpa membawa sebarang pengajaran atau perkaitan dengan kehidupan masyarakat persekitarannya.

Dalam konteks ini, cerita lisan yang disampaikan oleh pencerita masyarakat Jakun mengandungi makna-makna tersirat untuk menceritakan kehidupan sebenar masyarakat Orang Asli. 'Ia mampu mewakili kehidupan untuk diceritakan kepada umum' (Wellek 1963:94) serta menembusi kehidupan setiap manusia. Teks cerita lisan tersebut berperanan besar untuk membongkarkan pengalaman perit hidup mereka, mengangkat darjat masyarakat Orang Asli serta menonjolkan harapan mereka di samping menampilkan keistimewaan-keistimewaan yang mereka miliki. Hakikat ini menonjolkan bahawa teks

cerita lisan Orang Jakun yang disampaikan oleh pencerita merupakan sebuah dokumen sosial masyarakat yang boleh dirujuk untuk mengenali masyarakat Orang Asli secara lebih mendalam. Cerita lisan yang bertajuk "Kambing Buta" dan "Awang Miskin" ini mengungkapkan pengalaman dan impian yang berkaitan dengan kehidupan mereka yang selama ini tidak pernah disuarakan oleh sesiapa juga.

### **Sinopsis Cerita "Kambing Buta"**

*Kisah ini bermula dengan seekor pelanduk yang melarikan diri daripada dimakan seekor harimau yang garang. Dalam pengembaraannya pelanduk telah terjumpa dengan seekor kambing yang buta kedua-dua matanya di sebuah padang luas. Pelanduk akhirnya bersahabat dengan kambing buta itu. Pelanduk itu bukanlah seekor pelanduk biasa kerana pelanduk itu berbulukan emas. Pelanduk dan kambing buta pun mulalah mengembara bersama-sama. Sepanjang perjalanan itu pelanduk menunggang di atas belakang kambing buta itu. Pelanduklah yang mengarahkan kambing buta itu ke mana arah yang patut dituju. Berbagai kejadian yang berlaku sepanjang perjalanan itu. Sepanjang pengembaraan itu khalayak didedahkan dengan pelbagai perilaku manusia yang mengambil kesempatan di atas kelemahan orang lain dan juga amalan penindasan yang dilakukan oleh pihak yang lebih berkuasa. Kambing buta sering dihina di atas kekurangannya itu dan sering dipergunakan untuk tugas-tugas bahaya. Kambing buta yang tidak berdaya itu tetap akur kepada arahan tersebut memandangkan ia memiliki kekuatan yang tidak ada pada orang lain. Kambing buta juga sering disisihkan berbanding pelanduk yang berbulukan emas yang sering dilayan baik. Kemuncak cerita menyaksikan perjuangan Kambing buta mempertahankan nyawanya daripada dibunuh oleh anak-anak raja yang jahat.*

### **Sinopsis Cerita "Awang Miskin"**

*Mengisahkan pemuda Orang Asli Awang Miskin yang tinggal bersama emaknya di dalam sebuah negeri. Kehidupan mereka dua beranak daif sekali. Mereka hanya mendiami sebuah pondok buruk di hujung negeri. Awang Miskin seorang yang sangat pemalas. Hanya ibunya sahaja yang*

*bekerja untuk menampung kehidupan mereka berdua. Walau bagaimanapun, Awang Miskin ini mempunyai hubungan yang baik dengan seorang putera raja negeri itu. Mereka telah mengembara bersama dan sepanjang masa itu telah terpancar sikap baik hati Awang Miskin dan juga anak raja yang mengenang budi. Namun, dalam pelayaran itu, Awang Miskin tetap menampilkan manusia yang rendah diri kerana walaupun dia berkawan baik dengan anak raja, dia tetap duduk di tempat kemudi kapal yang kotor dan berminyak. Namun, kepandaian Awang Miskin telah berjaya mengelakkan pelbagai bencana. Awang Miskin telah menggunakan kebijaksanaannya untuk menyelamatkan anak raja yang menjadi tawanan raja. Anak raja itu telah putus harap ketika itu melainkan jasa pemuda orang asli itu sahaja yang menyelamatkan nyawanya. Beliau akhirnya berkahwin dengan adinda kepada anak raja tersebut.*

### **Gambaran Kemiskinan**

Cerita lisan ini memberi gambaran peristiwa dengan sempurna serta tersusun untuk memastikan fenomena yang diungkapkan itu lebih jelas. Misalnya untuk mempamerkan keperitan hidup Orang Asli beliau terlebih dahulu memberikan butiran tentang gaya kehidupan golongan terpinggir tersebut. Deskripsi sedemikian dikatakan sebagai pembukaan atau pengenalan kepada gambaran penderitaan hidup yang seterusnya. Pencerita memberikan imej kepada watak-wataknya sebagai simbol unik untuk menunjukkan serta mewakili identiti manusia tertindas dan terpinggir. Perincian watak yang dibina tidak sekadar paparan menghiasi cerita tetapi lebih menjurus kepada maksud yang mendalam.

Kisah “Kambing Buta” menggunakan watak kambing sebagai watak utama yang bergerak sepanjang plot penceritaan. Imej Orang Asli sebagai manusia kerdil cuba dijelmakan melalui watak tersebut. Kehadiran watak kambing sebagai seekor binatang dan telah buta matanya itu dapat diinterpretasikan sebagai simbol kepada kehidupan Orang Asli yang tidak berdaya melakukan sesuatu yang lebih baik dan sempurna untuk meningkatkan taraf hidup mereka, apatah lagi untuk membebaskan mereka daripada belenggu kemiskinan. Seekor binatang yang buta pastinya sukar untuk bergerak mencari makan ke sana sini, mencari tempat perlindungan atau melindungi diri daripada musuh.

Ketidakupayaan untuk bergerak bebas akan menjadikan kehidupan seseorang manusia atau kelompok masyarakat itu terbatas. ‘Buta’ dalam konteks ini dapatlah disimbolkan sebagai Orang Asli yang tidak berilmu, tidak berharta dan tidak berkuasa. Frasa yang telah dibina oleh Zawawi (1996) itu jelas menjadi suatu pantulan hakikat sebenar kehidupan daripada cerita lisan yang disampaikan itu.

Watak seekor kambing yang buta itu juga akan mencerminkan masyarakat Orang Asli berhadapan dengan dunia luar yang seperti gelap kepada mereka. ‘Gelap’ dalam erti kata mereka tidak boleh menumpang kesenangan dan kemewahan dalam erti kata yang sebenarnya. Ekoran daripada pengalaman perit sejak zaman feodal, darurat sehinggalah zaman kini seolah-olah hidup mereka akan statik untuk selama-lamanya. Mereka tidak mampu bergerak sendiri kecuali ada pihak yang benar-benar mampu membawa kelompok ini mengubah keadaan mereka. Contohnya (petikan kisah “Kambing Buta”):

Lalu berjalan lagi pelanduk itu hingga ternampak seekor kambing. Kambing itu berjalan ke sana ke mari tak tentu hala. Jadi Awang Pelanduk tadi pandang-pandang tengok, “Eh, nampak kambing. Tapi kenapa dia jalan macam gitu?” Pelanduk hairan juga. Bila pelanduk pergi dekat maka tahulah bahawa butalah mata kambing itu. Bilalah gitu, “Hai kawan,” kata pelanduk. “Mengapa awak begini?” tanya pelanduk. “Haiiii, beginilah saya. Hidup pun susah saya. Mata tak nampak,” kata kambing buta.

Watak kambing buta yang ditemui berlegar-legar di padang yang luas tanpa arah tujuan merupakan simbol kehidupan Orang Asli yang serba kekurangan serta tidak mampu menjana kehidupan untuk perubahan taraf hidup yang lebih baik. Hanya selepas kedatangan pelanduk sahaja kambing buta itu boleh bergerak ke serata negeri di samping boleh mempamerkan keistimewaan yang dimilikinya. Begitulah dengan senario kehidupan Orang Asli. Mereka sebenarnya memiliki pelbagai kebolehan dan keistimewaan jika diberikan ruang, peluang dan juga bimbingan. Sebaliknya, catatan Zawawi (1996) menunjukkan Orang Asli menjadi mangsa diskriminasi, jauh sekali untuk memperolehi peluang seperti yang dinikmati oleh masyarakat lain. Oleh yang demikian, keadaan mereka tidak akan berubah seterusnya akan kekal seperti seekor kambing yang buta di tengah padang yang luas.

Pencerita juga menggambarkan kemelaratan hidup Orang Asli dalam kisah *Awang Miskin* yang juga menggunakan watak Orang Asli sebagai

protagonisnya. Pada awal penceritaan lagi pencerita telah menggambarkan kontra dua kehidupan golongan atasan yang kaya dengan golongan miskin. Pencerita menceritakan (petikan kisah “Awang Miskin”):

Adalah sebuah negeri raja yang sangat kaya dengan segala kemewahan serta bermacam-macam hasil bumi di darat dan di laut. Maka dalam negeri itu adalah satu cerita Awang Miskin yang hidup dua beranak dengan emaknya yang dipanggil Emak Si Miskin.

Pemerian keadaan tersebut secara nyata telah menunjukkan wujudnya dua kategori manusia yang mendiami sesebuah negeri. Deskripsi kekayaan serta kemewahan aset yang dimiliki oleh seorang pemerintah telah dibandingkan dengan kehidupan dua beranak yang menggunakan nama ‘si miskin’ telah berjaya mengungkap isu kemiskinan yang mencengkam dua beranak tersebut dalam persekitaran orang-orang kaya. Keadaan yang digambarkan dalam teks itu sebenarnya suatu hakikat kebenaran yang menjurus kepada kehidupan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Dalam keadaan negara yang aman makmur serta mewah, Orang Asli ini masih terus tertinggal di belakang dalam pelbagai aspek. Kehidupan mereka tetap melarat dengan peratus kemiskinan yang masih tinggi setiap tahun. Sebagaimana yang diceritakan oleh penglipur lara menerusi ceritanya itu, dapatlah dijadikan sumber makluman kepada khalayak di luar tentang kemiskinan yang melanda masyarakat pinggiran tersebut. Ceritanya itu sebenarnya tidak sekadar deskripsi naratif hasil kepakaran kreatif yang dimilikinya tetapi adalah suara hati yang mewakili seluruh penduduk di perkampungan Orang Asli yang masih daif.

Penegasan penutur cerita lisan untuk mengungkapkan hidup mereka yang melarat itu tidak terhad sekadar gambaran sepintas lalu sahaja. Pemerian cerita *Awang Miskin* itu diperteguhkan lagi dengan paparan kehidupan keluarga Awang Miskin itu sendiri. Penglipur lara menonjolkan kemiskinan hidup melalui suasana dalam rumah Awang Miskin. Pencerita menghuraikan melalui ceritanya seperti berikut (petikan kisah “Awang Miskin”):

Bila pulang ke rumah Awang Miskin, bukanlah rumah tapi pondok sahaja. Atap kelapa satu mengkawan, lantai satu keping. Periuk satu cepes, pinggan satu cepes. Semua satu cepes. Tidak ada betul-betul kualiti periuk.

Gambaran yang diberikan tersebut adalah menggambarkan suasana kehidupan masyarakat Orang Asli yang cukup sederhana ataupun daif. Keadaan rumah yang tidak sempurna dan tiada kemudahan yang lengkap masih wujud di sesetengah perkampungan mereka hingga ke hari ini. Secara simboliknya, cerita lisan ini menggambarkan tentang rumah Orang Asli yang hanya pondok sahaja. Alatan dalam pondok Awang Miskin yang sederhana juga memberikan senario hidup Orang Asli yang sederhana dan segalanya serba kekurangan. Walaupun secara realitinya terdapat perkampungan yang telah dibaik pulih di bawah beberapa program pihak kerajaan, namun akibat kurang pemantauan berterusan menyebabkan suasana kampung itu kembali kepada keadaan asal seperti puluhan tahun yang lampau<sup>9</sup>.

### Penindasan dan Penganiayaan

Imej manusia sengsara juga disampaikan melalui pelukisan naratif yang menunjukkan watak-watak yang terseksa dan menderitai kezaliman pihak lain. Karya sastera itu umpama “peta makna”. Ertinya melalui karya sastera itu akan dapat diketahui selok belok pengertian makna yang tersirat. Penelitian karya sastera akan menemukan pembaca dengan pelbagai lorong, jalan serta persimpangan yang diumpamakan seperti kehidupan manusia yang sarat dengan pelbagai masalah berselirat dan tersembunyi daripada pengetahuan umum sebelumnya. Melalui karya sastera yang dianggap sebagai ‘peta makna’ itu juga segala pengalaman ngeri dan sedih watak-watak yang mewakili masyarakat sebenarnya akan terungkap dan terbongkar. Begitu juga yang berlaku dalam analisis cerita lisan Orang Asli. Cerita lisan yang dipusakai mereka itu akan terselit berbagai keperitan pengalaman akibat ditindas dan dianiaya oleh mereka yang lebih berkuasa<sup>10</sup>.

Cerita lisan menjadi sandaran utama meluahkan kesakitan yang ditanggung sekian lama ekoran ketiadaan saluran kuat untuk mereka menghujahkannya di hadapan khalayak yang lebih luas. Hanya cerita-cerita si penglipur lara sahaja membolehkan khalayak menjejak setiap inci pengalaman perit yang telah, sedang dan bakal ditempuhi oleh generasi terpinggir tersebut. Dalam kisah *Kambing Buta* khalayak pendengar berpeluang menyaksikan semula penindasan serta kekejaman yang pernah dialami oleh Orang Asli. Pencerita menghuraikan bagaimana sekumpulan binatang di hutan yang begitu takut dengan seekor

harimau yang bertaring tajam dan ganas. Dalam cerita dikisahkan pelanduk yang takut dengan harimau telah mengajak rusa dan babi untuk menumpulkan gigi harimau yang tajam. Gigi harimau yang tajam itu dikhuatiri akan membunuh seluruh penghuni dalam hutan itu. Walau bagaimanapun, rusa telah mati dibaham harimau semasa sedang menumpulkan gigi taring harimau berkenaan.

Simbolik kepada cerita ini menunjukkan bahawa Orang Asli sentiasa berada dalam ketakutan terutama apabila mereka dikelilingi oleh pihak yang ganas dan kejam. Harimau diumpamakan seperti orang-orang yang sentiasa menjadikan Orang Asli sebagai mangsa. Pelanduk, babi dan rusa pula dirujuk sebagai Orang Asli yang takut kepada keganasan dan akhirnya tewas apabila cuba menentang kekejaman tersebut. Akibat melawan pastinya mereka daripada golongan yang lemah dan tidak berdaya akan menemui kegagalan malah mengundang kematian seperti yang dialami oleh watak rusa. Penutur ini seolah-olah mahu mengembalikan semula nostalgia masyarakatnya sewaktu berada dalam zaman darurat. Zaman tersebut telah menyaksikan bagaimana Orang Asli telah menjadi mangsa kekejaman komunis yang bermaharajalela di Tanah Melayu. Catatan daripada Carey (1976) menunjukkan bahawa darurat memberikan kesan buruk kepada Orang Asli. Tambahan pula Leary (1995:71) juga telah melaporkan bahawa Orang Asli ramai yang mati, cedera dan juga hilang sepanjang zaman kekejaman komunis itu. Walaupun agak jarang ditemui tulisan-tulisan yang menceritakan pengalaman sebegini, namun kehadiran cerita lisan juga mampu mengimbuai kembali kenangan golongan pinggir tersebut secara tersirat dan penuh makna yang mendalam.

Lantaran keupayaan karya sastera muncul sebagai cermin kepada zamannya (Sapardi 1979:11) maka sastera lisan Orang Jakun juga berkeupayaan untuk menceritakan kekejaman yang telah dilakukan oleh pihak-pihak tertentu kepada mereka. Kisah *Kambing Buta* bakal menjelaskan keadaan di mana orang yang dipandang rendah, hina dan tidak menyumbang sebarang hasil kekayaan akan dimusnahkan atau dibunuh. Penglipur lara telah menceritakan adegan tersebut (Kisah "Kambing Buta"):

Selama-lamanya tujuh hari jadi raja ini buatlah satu masalah untuk membunuh kambing buta itu. "Awang-Awang. Daripada kita duduk macam ini tak ada apa-apa cerita, baiklah kita nyabung kambing," kata raja kepada pelanduk. Raja itu

ada tujuh reban kambing. Kerana kambing itulah raja menjadi kaya. Kaya kerana setiap pertarungan tidak pernah kalah.

Tindakan raja menyuruh kambing buta itu bertarung dengan kambing-kambingnya itu adalah satu usaha untuk membunuh kambing buta berkenaan. Pada pandangan raja, kambing buta itu tidak boleh memberikan sebarang nilai kekayaan kepadanya. Sebaliknya pelanduk yang berbulukan emas itu diberi layanan yang paling istimewa. Pelanduk berbulukan emas itu dapat disimbolkan kepada kekayaan serta kemewahan yang digemari oleh raja berkenaan. Kambing buta yang diumpamakan sebagai Orang Asli itu dilihat tidak mempunyai pulangan bernilai untuk mendapat hasil yang lumayan. Oleh itu segala kebajikan dan keselamatannya sudah tidak perlu diberikan perhatian lagi. Keadaan inilah yang pernah terjadi kepada Orang Asli dalam zaman feudal dahulu. Orang Asli sentiasa dikerah untuk memungut hasil hutan untuk golongan bangsawan dan pembesar istana.

Walaupun Orang Asli tidak dibunuh secara fizikal tetapi mereka tetap 'terbunuh' oleh keadaan. Golongan atasan tersebut langsung tidak memperdulikan bahaya yang bakal diterima oleh Orang Asli berkenaan kerana keuntungan yang paling penting kepada mereka. Sungguh pun mereka mahir dalam hutan, namun bahaya tetap menanti mereka di mana sahaja. Kesannya mereka juga menemui maut dalam pekerjaan mereka. Orang Asli pernah terbunuh akibat dipijak oleh gajah sewaktu cuba mengambil gading gajah tersebut untuk diserahkan kepada pencerita. Selain itu, status mereka sebagai hamba abdi juga tidak terbela dalam undang-undang yang berkaitan dengan perhambaan. Andainya seseorang hamba seperti Orang Asli itu mati ketika bekerja dengan tuannya, maka tuannya itu tidak menanggung apa-apa tanggungjawab atas kematian itu (Maxwell 1890:252). Keadaan ini adalah sama dengan nasib yang dilalui oleh kambing buta yang diceritakan oleh pencerita itu. Kambing buta terdedah kepada risiko maut apabila bertarung dengan kambing-kambing raja.

Segala kekejaman dan penganiayaan yang dikenakan kepada Orang Asli juga menunjukkan bahawa golongan tersebut amat sukar untuk menunjukkan protes, melahirkan ketidakpuasan hati apatah lagi untuk bangun menentang kekerasan yang mereka alami itu<sup>11</sup>. Orang Asli hanya boleh mengambil sikap berdiam diri sahaja. Cerita *Kambing Buta* telah memaparkan bagaimana seekor kambing



yang tidak berdaya apabila diasak dan dikasari oleh orang yang ramai. Pencerita mengkisahkan (“Kambing Buta”):

Terbangunlah kambing itu maka terlihatlah ada tujuh beradik anak raja Padang Cemuru itu. Maka berlawanlah kambing yang buta itu dengan anak raja itu. Mereka berebutkan tuan puteri inilah. Kambing buta menjadi mangsalah dalam keadaan itu. Peranglah mereka. Tapi kambing buta tak satu pun senjata. Tak ada keris, tak ada pedang, tak ada satu apa pun. Cuma mengelak tikam pancung sajalah kambing itu. Setelah lama berperang, sampai tak terdaya dah kambing buta.

Secara analoginya kisah ini menunjukkan situasi seekor kambing tanpa senjata yang tidak berdaya tetapi terpaksa menentang tujuh anak raja yang kuat lagi jahat. Kambing yang serba kekurangan itu hanya mampu bertahan daripada segala bentuk ancaman yang kemungkinannya boleh membawa maut. Ia bukanlah sekadar ancaman ringan tetapi serangan yang inginkan kematian kambing buta itu. Namun, kekentalan serta semangat juang kambing itu berjaya menyelamatkannya daripada terbunuh.

Cerita lisan ini menggambarkan senario pengalaman yang dilalui oleh Orang Asli. Mereka sebenarnya mewarisi semangat juang dan kekentalan tersebut seperti yang ditunjukkan semasa zaman darurat. Pada masa itu masyarakat pinggir ini hanya menjadi mangsa keadaan getir yang sedang berlaku. Mereka bukan sahaja pemerhati kepada kekejaman peperangan, tetapi juga menjadi sasaran peluru dan bom pihak yang berperang. Zaman darurat telah menjadikan Orang Asli sebagai golongan yang terhimpit di tengah-tengah antara pihak kerajaan dan komunis. Mereka dipaksa menjadi pengintip kepada kerajaan dan pada masa yang sama terpaksa bekerjasama dalam membekalkan makanan kepada komunis. Carey (1976:306) mencatatkan bahawa komunis sangat bergantung kepada Orang Asli untuk mengetahui selok belok situasi dalam hutan belantara. Dalam keadaan tertekan seperti itu, Orang Asli terpaksa membantu komunis. Akibatnya ada Orang Asli yang ditangkap polis pada tahun 1948 atas tuduhan bersubahat dengan komunis (Leary 1995:74). Malah serangan bom dari udara oleh Tentera Udara Diraja Australia juga banyak mengorbankan Orang Asli selain daripada komunis (Leary 1995:85-86).

Pencerita juga mengakui bahawa pihak komunis pernah memasuki Kampung Sungai Mok untuk meminta bekalan makanan, terutamanya hasil tanaman seperti ubi kayu, jagung dan beras. Penduduk

yang tiada pilihan terpaksa menurut sahaja kemahuan komunis kerana bimbang mereka dicerderakan atau dibunuh. Keadaan terhimpit ini berlanjutan dalam tempoh yang agak lama<sup>12</sup>. Situasi ini selari dengan pengalaman perit lagi menyedihkan masyarakat Semai di Kuala Lipis, Pahang. Batin Piloc bin Nok Pau<sup>13</sup> menceritakan pihak komunis pernah membunuh tiga puluh Orang Asli semasa darurat akibat tidak memberikan kerjasama kepada mereka. Hampir kesemua Orang Asli mengalami pengalaman ngeri akibat ancaman dan kekejaman komunis.

Selain daripada memaparkan situasi kehidupan Orang Asli yang sering dilanda ketakutan dan penindasan, cerita *Kambing Buta* juga turut mengungkapkan pengalaman Orang Asli yang sering dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan diri sendiri. Orang Asli sering diperalatkan ekoran kepakaran yang mereka miliki demi mengaut keuntungan dengan jalan mudah. Antara lain, pencerita menceritakan keadaan kambing buta diperalatkan oleh pelanduk untuk menyerang sesebuah negeri bagi menyelamatkan diri (Kisah “Kambing Buta”):

“Kalau saya jumpa musuh yang ganas-ganas, saya kena naik belakang awak. Awak larilah ke mana pun. Kalau saya kata kiri, kirilah. Kalau saya kata kanan, kananlah,” terang pelanduk kepada kambing buta... Bila pelanduk nampak sahaja harimau itu, terus lompat naik ke kambing maka ditalalah kambing itu ke mana harimau itu pergi. “Terus! Terus!” Kata pelanduk dari atas belakang kambing. Kerana kambing ini tak nampak, maka tak tahu nak terus ke mana. Jadi harimau bila tengok kambing tu hala betul-betul kepadanya, hah! Sudah.

Walaupun adegan yang diceritakan kelihatan agak lucu, namun pengertian yang terselit di dalamnya cukup mendalam. Tindakan pelanduk menggunakan kambing yang buta untuk menghalau harimau adalah satu tindakan yang tidak wajar.

Akibat takutkan kepada harimau dan ingin menunjukkan yang dirinya lebih berani berbanding harimau, maka kambing buta telah dijadikan alatnya. Akibat buta, kambing itu langsung tidak tahu objek yang dikejanya itu. Jika kambing itu nampak tentunya kambing itu akan lari menyelamatkan diri jauh dari tempat itu. Begitulah keadaannya di zaman feudal dahulu. Pembesar dan pedagang yang telah menyedari tentang hasil hutan seperti gaharu, rotan dan sebagainya yang sangat berharga di pasaran telah menggunakan Orang Asli untuk memperolehi hasil hutan itu<sup>14</sup>.

Orang Asli berusaha memungut hasil hutan itu untuk diserahkan kepada pembesar dan pencerita tersebut. Walaupun dengan upah yang sedikit mereka tetap bekerja keras untuk mengumpulnya. Buktinya, Hervey (1881) sering bertemu dengan orang Jakun sedang memungut dan mengumpul rotan sepanjang perjalanannya menelusuri Sungai Endau untuk dijual kepada pembesar-pembesar tersebut. Tanpa menyedari bahawa hasil hutan yang dijual itu mempunyai pasaran yang sangat luas maka mereka hanya reda dengan upah yang diterima itu. Orang lain telah mempergunakan Orang Asli sepertimana yang dilakukan oleh pelanduk kepada kambing buta itu demi memperolehi kekayaan tanpa bersusah payah melabur modal yang banyak.

Masalah ini juga ditonjolkan dalam cerita “Awang Miskin” apabila pencerita menceritakan perihal Mak Miskin yang bekerja di istana raja itu. Mak Miskin yang bekerja keras di istana hanya dibayar upah yang tidak setimpal. Raja hanya memberikan Mak Miskin segenggam habuk bekasampi beras sebagai upahnya setiap hari bekerja. Ia bukanlah beras yang boleh dimakan. Ia sekadar habuk sahaja (petikan kisah “Awang Miskin”):

Maka bekerjalah Mak Miskin di istana Tuanku itu. Mak Miskin bekerja di istana itu daripada pagi hinggalah kepada malam. Habis bekerja raja pun genggamlah habuk bekasampi beras seperti beras yang tidak boleh digunakan lagi diberi sebagai upah bekerja Mak Miskin. Diberi segenggam kepada Mak Miskin, itulah gaji upah Mak Miskin setiap hari bekerja di istana itu.

Simboliknya, itulah yang berlaku alam hidup Orang Asli yang bekerja dengan golongan kaya di zaman feodal dahulu. Mereka sekadar menerima imbuhan yang sangat minimum dan akan menyebabkan hidup mereka yang susah itu akan terus berkekalan dalam kemiskinan. Adalah tidak menjadi keganjilan jika sekuat dan segigih manapun mereka bekerja, namun mereka tetap gagal untuk mengubah nasib mereka.

Oleh yang demikian cerita “Kambing Buta” dan “Awang Miskin” berupaya mengungkapkan semula kesengsaraan yang pernah ditanggung oleh golongan manusia kerdil yang terhimpit ini. Sebagai penglipurlara yang benar-benar hidup dalam konteks sedemikian, maka cerita yang disampaikan itu adalah cerita yang sarat dengan pengalaman perit hidupnya sendiri dan mewakili seluruh kesengsaraan hidup Orang Asli secara umumnya. Cerita lisan ini mampu menjadi sebuah dokumen sosial masyarakat Orang Asli dalam konteks menyelami keperitan serta

kesengsaraan mereka menempuh kehidupan yang memeritkan. Kisah “Kambing Buta” dan “Awang Miskin” merupakan wahana kental dan medium konkrit untuk membongkarkan pengalaman hidup Orang Asli dengan mendalam yang agak sukar ditemui dalam catatan ahli antropologi dan sebagainya memandangkan hanya sastera yang mampu ungkapkan ‘struktur rasa’ (Laurenson 1972:16) yang meliputi rasa kesedihan, ketakutan, keresahan dan sebagainya.

### **Cerita Lisan dan Impian hidup**

Lanjutan daripada pengalaman hidup yang terhimpit dan tertekan, masyarakat Orang Asli juga ingin membuktikan bahawa mereka masih mampu menahan ancaman dan penyiksaan yang dahsyat itu. Orang Asli mahu membuktikan bahawa mereka mampu untuk terus bertahan untuk hidup dalam dunia kontemporari yang semakin kompleks ini. Sungguhpun mereka pernah menjadi hamba abdi sehingga membawa kematian, terbunuh dan tercedera semasa darurat dan terpinggir dalam kemodenan semasa, namun manusia kerdil ini masih terus wujud dalam kelompok dan suku kaum masing-masing sehingga sekarang. Secara konteksnya, data jumlah penduduk Orang Asli Negrito sehingga Disember 2004 ialah 4001 orang, Senoi 81826 orang dan Melayu-Proto pula ialah 61585 orang<sup>15</sup>. Jumlah ini sedikit sebanyak dapat membuktikan bahawa masyarakat Orang Asli tidak akan pupus biarpun mereka masih kekal sebagai kelompok minoriti dalam negara ini. Hanya ketahanan fizikal dan mental sahaja mampu menjamin kelangsungan hidup Orang Asli dalam persekitaran mereka.

Kisah “Awang Miskin” memberikan suatu bentuk paparan tentang Orang Asli yang mampu berhadapan dengan masalah yang berat. Masalah yang diselesaikan ialah mampu membebaskan seorang anak raja yang telah ditangkap oleh seorang saudagar kaya selepas kalah dalam menyabung ayam. Awang Miskin menghadapi kesusahan untuk membebaskan anak raja itu kerana beliau terlebih dahulu perlu memenuhi harapan puteri raja untuk mendapat seekor ikan patung yang bersisikkan emas. Walaupun sudah ramai panglima-panglima raja yang telah mencuba nasib untuk mendapatkannya, tetapi semuanya menemui kegagalan. Hanya melalui kehebatan dan kepandaian ilmu Awang Miskin sahaja mampu mendapatkannya. Seterusnya, sebagai balasan atas kejayaan itu Awang Miskin hanya meminta supaya anak raja itu dibebaskan daripada tahanan saudagar tersebut.

Episod kisah ini telah memberi pengertian bahawa dalam keadaan yang terdesak sekalipun, watak Orang Asli itu masih mampu mengatasinya. Keadaan pada masa itu telah mengakibatkan anak raja yang ditangkap itu hanya pasrah kepada nasib sahaja. Penglipur lara tidak menunjukkan sebarang usaha yang dilakukan oleh anak raja itu untuk melepaskan diri daripada kurungan itu. Penglipur lara Jakun juga tidak menceritakan tentang adanya kuasa ajaib yang digunakan oleh anak raja itu untuk mengatasi saudagar berkenaan. Hakikatnya, pencerita ingin menunjukkan bahawa darjat seseorang belum mencukupi untuk berhadapan dengan masalah yang berat. Seterusnya, hanya watak Awang Miskin sahaja yang mampu menyelamatkan keadaan dengan menggunakan segala kepandaian yang dimilikinya. Awang Miskin diperlihatkan sebagai seorang yang berani berhadapan dengan kenyataan sungguhpun beliau mungkin akan menerima hukuman daripada saudagar jika permintaan puteri raja itu gagal dipenuhi oleh Awang Miskin. Sememangnya keberanian dan kecekalan Awang Miskin sahaja yang telah menyelamatkan segala-galanya.

Situasi yang dialami oleh Awang Miskin itu telah mengimbau kembali kenangan khalayak terhadap pengalaman getir yang dilalui oleh Orang Asli. Sungguhpun sebahagian besar mereka masih menghuni di dalam hutan dengan kemudahan yang sangat minima, namun mereka masih mampu hidup dengan selesa dan sempurna mengikut pemahaman mereka. Mereka reda dengan cara hidup mereka daripada dahulu sehingga hari ini. Malah dalam wawancara dengan beberapa penghuni Kampung Sungai Mok, Kuala Rompin, Pahang juga telah mendakwa bahawa sungguhpun kemiskinan melanda hidup mereka tetapi tidak ada yang pernah mati kebuluran. Menurut Khalid bin Pura<sup>16</sup> pula beliau belum pernah sekalipun membeli ikan di pasar kerana telah menjadi rutin hidupnya sejak dahulu untuk menangkap sendiri ikan sebagai lauk pauk untuknya sekeluarga. Pengalaman pemuda Jakun itu menunjukkan bahawa mereka sentiasa mencari alternatif untuk hidup kerana kemiskinan yang menghambat hidup mereka.

Walaupun mereka sekadar menjalankan kegiatan ekonomi sara diri namun mereka tetap memperolehi sumber makanan untuk sekeluarga daripada kebuluran. Kepakaran ilmu hutan yang mereka miliki telah menjadikan mereka sebagai manusia yang tidak bergantung kepada wang tunai untuk terus hidup. Itulah yang menyebabkan mereka terus bertahan

sehingga ke hari ini. Mereka sentiasa berusaha untuk mencari jalan menyelesaikan masalah tanpa mengambil sikap tunggu dan lihat sahaja.

Kecekalan dan ketabahan Orang Asli juga turut ditonjolkan melalui watak kambing buta yang masih mampu bertahan walaupun dipukul dan cuba dibunuh oleh kambing-kambing raja yang banyak. Pencerita menceritakan suasana getir semasa serangan bertubi-tubi yang dilakukan ke atas kambing yang sudah tidak berdaya itu (petikan kisah “Kambing Buta”):

Maka mula berlagalah kambing itu. Yang melawan itu tak nampak, tapi yang dilawannya itu nampak, maka hentam sajalah. Cukup tiga kali hentam, pengsanlah kambing buta. Janji pada awalnya tidak boleh jamah badan kambing ini walaupun dia mati. Jadi pelanduk rasa kambing itu dah tak ada harapan lagilah. Tapi selepas dua tiga saat, kambing buta bingkas bangun dengan lenggang badan, pulang tingkah sediakala kambing buta itu. Kambing buta pun mula membalas serangan dan hentaman.

Peristiwa pertempuran itu telah memberi gambaran tentang semangat dan jiwa yang kental. Walaupun telah diserang sehingga hampir menemui ajal, namun watak kambing yang buta itu diperlihatkan masih mampu untuk bertahan seterusnya membuat serangan balas yang memberikan kemenangan kepadanya.

Secara tersiratnya ia menyelitkan impian Orang Asli yang ingin menunjukkan kepada khalayak bahawa mereka adalah masyarakat yang tidak mudah menyerah kalah dan mereka masih mampu untuk menahan sebarang ancaman yang hebat. Orang Asli mempunyai alasan kukuh untuk mempertahankan dakwaan bahawa mereka sebuah puak yang telah mengharungi pelbagai ancaman berdarah dalam zaman darurat lagi. Catatan Leary (1995:71) menunjukkan Orang Asli sememangnya terlibat dalam pertempuran antara polis dan komunis. Malah penangkapan, kecederaan dan kematian Orang Asli juga telah menjadi lumrah pada ketika itu. Walau bagaimanapun, isu itu tidak mendapat perhatian daripada khalayak umum dan catatan sejarah zaman lampau.

Lanjutan daripada itu, dapat dikatakan bahawa masyarakat ini telah berjaya mengharungi kesulitan itu dan sehingga kini generasi tersebut masih kekal hidup dengan cara mereka tersendiri. Sungguhpun mereka tidak berupaya untuk membalas dendam secara fizikal, namun Orang Asli tetap mampu

meneruskan kehidupan mereka seperti sediakala. Mereka tidak menampakkan rasa ketakutan untuk terus hidup di dalam hutan sehingga sekarang. Mereka masih bebas berkumuniti dalam rimba yang tebal. Buktinya mereka masih mampu bertahan untuk menghadapi sebarang ancaman yang mendatang. Umpama kambing buta yang mampu bangun semula menentang kambing-kambing yang ganas juga melambangkan ketabahan Orang Asli untuk terus menyara kehidupan mereka sekeluarga biarpun mereka terhimpit di bawah garis kemiskinan yang agak ketara. Masyarakat ini langsung tidak menampakkan sebarang keluh kesah untuk menceritakan kesusahan tersebut kepada umum. Daya ketahanan mereka sesungguhnya mampu membawa kehidupan mereka terus melayari zaman walaupun dalam keadaan serba kekurangan.

### Gambaran Kepakaran Orang Asli

Setelah mengungkapkan keinginan untuk menggerunkan pihak lawan dan memaparkan daya ketahanan puak yang tinggi, cerita lisan Jakun juga berusaha mengutarakan keistimewaan dan kelebihan yang dimiliki oleh Orang Asli. Masyarakat ini juga ingin menunjukkan bahawa mereka juga merupakan komuniti yang mempunyai pelbagai kebolehan dan kepakaran yang tidak dimiliki oleh orang lain. Dalam konteks ini, penglipur lara Jakun cuba menonjolkan bahawa masyarakat Orang Asli bukanlah sebuah masyarakat yang boleh dipandang rendah dan dianggap tidak memberi sebarang sumbangan kepada seluruh masyarakat dan negara.

Kisah “Awang Miskin” dan “Kambing Buta” telah menggarap beberapa peristiwa yang berjaya menunjukkan kepakaran-kepakaran tertentu yang dimiliki oleh Orang Asli. Kisah “Awang Miskin” menunjukkan Orang Asli memiliki kepakaran dalam menyelesaikan sesuatu masalah<sup>17</sup>. Dalam kisah itu ditunjukkan Awang Miskin telah menggunakan kesaktiannya untuk menangkap ikan patung bersisik emas. Kuasa magis yang dimilikinya menunjukkan beliau telah membuatkan perkarangan istana menjadi laut sehingga muncul dan berenang-renang ikan yang dicari itu. Awang Miskin berjaya menyelesaikan masalah tersebut dalam masa yang singkat, sedangkan panglima-panglima telah berusaha mencarinya sejak sekian lama. Seterusnya kejayaan dan kelebihan Awang Miskin itu telah menimbulkan rasa hairan dan takjub kepada seluruh rakyat dan saudagar kaya di negara itu. Paparan adegan tersebut telah menggambarkan hanya

seorang pemuda Orang Asli yang miskin dapat menyelesaikan masalah yang besar dengan menggunakan kesaktian yang beliau miliki.

Selain peristiwa itu, penglipur lara juga menggunakan cerita “Awang Miskin” untuk menunjukkan kebolehan Orang Asli meramalkan sesuatu perkara buruk yang mungkin berlaku pada bila-bila masa. Semasa anak raja hendak pergi menyabung ayam dengan saudagar kaya, Awang Miskin telah menasihati anak raja itu supaya tidak meletakkan pertaruhan yang terlalu tinggi. Awang Miskin telah menjangkakan yang anak raja itu akan kalah dan bakal menerima akibat buruk jika wang pertaruhan gagal dibayar. Akibatnya, anak raja itu benar-benar kalah dan telah dipenjarakan selepas beliau tidak mengendahkan nasihat Awang Miskin terlebih dahulu. Selain itu, Awang Miskin juga diperlihatkan berkebolehan meramal kesusahan yang sedang dihadapi oleh anak raja selepas tidak pulang ke kapalnya beberapa lama. Tanpa disuruh atau dimaklumkan oleh sesiapa, Awang Miskin telah turun dari kapal dan masuk ke negeri saudagar untuk mencari dan menyelamatkan anak raja itu.

Kedua-dua contoh peristiwa di atas mempunyai maksud yang mendalam jika diinterpretasi dengan teliti. Pencerita mengungkapkan kebolehan ilmu ghaib atau perbomohan yang wujud di kalangan masyarakat Orang Asli. Kesaktian dalam konteks ini lebih sesuai dirujuk kepada ilmu perbomohan. Di Kampung Sungai Mok, Kuala Rompin sendiri terdapat seorang bomoh yang handal iaitu Batin Jim bin Dagang. Beliau dipercayai mampu menyembuhkan penyakit-penyakit ganjil atau ‘buatan orang’. Malah masyarakat luar juga dikatakan turut datang untuk mendapatkan bantuan daripada Batin Jim tersebut. Malah masyarakat Semai di Kuala Lipis Pahang juga memiliki seorang bomoh yang agak handal. ‘Tok Halak’ merupakan gelaran yang dirujuk kepada bomoh bagi kaum berkenaan<sup>18</sup>. Beliau juga merupakan tumpuan masyarakat setempat dan luar untuk menyempurnakan sesuatu tujuan. Kebolehan meramal, menilik dan menggunakan ilmu halus seperti itu adalah sebahagian kebanggaan masyarakat Orang Asli kerana amalan perbomohan mereka terkenal di kalangan khalayak umum.

Selain daripada keistimewaan memiliki ilmu mistik seperti itu, kandungan kisah “Awang Miskin” itu juga cuba menggambarkan keistimewaan Orang Asli dalam memahami dan mengetahui petua-petua atau ilmu tertentu ketika berada dalam hutan rimba. Orang Asli sememangnya akrab dengan kegelapan

dan ketebalan hutan. Mereka telah sebatian dengan kehidupan sedemikian. Maka masyarakat umum tidak pernah mendengar sebarang laporan yang mengatakan Orang Asli tersesat dalam hutan dan sebagainya. Sebuah laporan khas dalam akhbar tentang pasukan polis Orang Asli yang dikenali sebagai Senoi Praq telah menyebut bahawa keberkesanan pasukan tersebut dalam menjalankan operasi di dalam hutan adalah disebabkan oleh kemahiran mereka di hutan rimba. Laporan itu juga menyebut bahawa Orang Asli memiliki '*Spirit of the forest*' yang membuatkan mereka cekap dan langsung tidak kekok atau takut apabila berada di tengah-tengah belantara (*Sunday Star* 10 Julai 2005).

Malah, kepakaran dan kepandaian seperti yang dimiliki oleh watak Awang Miskin juga pernah dibuktikan benar-benar wujud dalam masyarakat Orang Asli keturunan Jakun di lembangan Endau Rompin. Jika Awang Miskin dikatakan mampu mengagak apa yang bakal berlaku dan telah berlaku walaupun jauh daripadanya, maka Orang Asli juga sebenarnya mampu melakukan sedemikian. Kemahiran Orang Asli untuk mengetahui jenis binatang yang berada jauh dari pandangan mereka telah terbukti apabila ia disaksikan sendiri oleh seorang pengkaji yang berbangsa Eropah. Hervey (1881:110) dalam perjalanannya hampir bertembung dengan binatang buas yang dikesan melalui bunyinya. Namun Orang Asli keturunan Jakun yang menjadi penunjuk arah jalan kepadanya telah mengatakan bahawa bunyi itu bukan binatang buas, tetapi binatang kecil yang berjaya dikesannya melalui pengecaman deria pendengaran yang tinggi. Peristiwa itu juga sebahagian daripada keistimewaan yang dimiliki oleh Orang Asli.

Secara keseluruhannya, kepakaran Orang Asli yang diketengahkan oleh penglipur lara Jakun melalui ceritanya itu menunjukkan wujudnya kebergantungan masyarakat terhadap Orang Asli. Secara tidak langsung dalam kisah "Awang Miskin" itu dipamerkan betapa anak raja itu bergantung harap kepada Awang Miskin untuk melepaskannya (petikan kisah "Awang Miskin"). Tambahan pula kisah itu langsung tidak menunjukkan adanya angkatan perang raja yang datang untuk menyelamatkan anak raja itu. Hanya Awang Miskin sahaja yang menyelamatkan keadaan. Secara realitinya, keadaan itu sememangnya berlaku dalam kehidupan harian manusia. Walaupun Orang Asli dikerah secara paksa untuk memungut hasil hutan sejak zaman feudal, namun pembesar dan pencerita pada waktu itu sebenarnya bergantung

kepada Orang Asli untuk tujuan tersebut.

Pada masa tersebut tidak terdapat sebarang alternatif untuk mengeluarkan hasil hutan melainkan peranan Orang Asli sahaja. Begitu juga dalam era keganasan komunis yang turut menghantui masyarakat terpinggir tersebut. Sungguhpun dikerah secara kekerasan dan paksaan, namun tidak dinafikan bahawa askar kerajaan dan komunis sendiri bergantung kepada kepakaran Orang Asli untuk bergerak melakukan pemburuan dan menjejak di dalam hutan<sup>19</sup>. Sebagaimana watak raja yang tidak mengiktiraf jasa Awang Miskin terhadap pembebasan anaknya itu, begitulah juga yang dialami oleh Orang Asli. Peranan dan jasa penting mereka tidak diberi pendedahan meluas walaupun semua pihak sangat berharap kepada jasa dan kepakaran Orang Asli. Kesimpulannya, pencerita berjaya mengungkapkan agenda tersirat yang sangat penting kerana berusaha menonjolkan keistimewaan Orang Asli yang bukan sahaja memudahkan hidup mereka tetapi turut menjadi sumber kebergantungan masyarakat luar terhadap mereka dalam perkara-perkara tertentu.

## KESIMPULAN

Analisis kedua-dua cerita lisan tersebut membuktikan pencerita menjadikan cerita "Kambing Buta" dan "Awang Miskin" sebagai medium yang paling berkesan untuk menyampaikan faedah yang bermanfaat kepada pendengarnya. Interpretasi kedua-dua kisah ini banyak menyelitikan makna yang baik kepada khalayak pendengar dan juga kepada dunia kesusasteraan tradisional secara amnya sehingga menjadikan cerita lisannya sebagai sebuah dokumen sosial serta cerminan masyarakat. Cerita tersebut mengungkapkan segala susah payah hidup Orang Asli serta keistimewaan dan impian mereka yang dapat mengangkat kembali martabat diri suku pinggiran tersebut. Selain itu, pencerita juga menjadikan medium cerita lisan ini secara simbolik sebagai landasan untuk menyuarakan segala penderitaan yang ditanggung mereka serta membongkarkan perkara-perkara yang tersembunyi sebelum ini. Malah cerita lisan ini juga merupakan suatu medium kepada Orang Asli untuk membuktikan bahawa mereka juga memiliki pelbagai kehebatan serta keistimewaan yang tidak disedari oleh masyarakat umum. Justeru, melalui tafsiran makna cerita lisan ini diharapkan masyarakat umum dapat memandang masyarakat ini dengan lebih adil

serta tidak lagi menganggap mereka sekadar suku pribumi yang lemah dan tidak memiliki sebarang kekuatan yang boleh dibanggakan.

#### NOTA

- <sup>1</sup> Keterangan lanjut lihat Aminudin Baki (1966) yang banyak membincangkan aspek perhambaan di zaman feodal Melayu.
- <sup>2</sup> Perhambaan dalam konteks masyarakat orang Melayu terbahagi kepada hamba berhutang, hamba abdi dan juga hamba raja yang bekerja di istana. Keterangan lanjut lihat Maxwell (1890), Linehan (1926) dan Endicott (1983).
- <sup>3</sup> Clifford (1989) dalam bukunya *In court and kampung* menceritakan bagaimana peritnya masyarakat Orang Asli berusaha melarikan diri daripada ditangkap untuk dijadikan hamba. Clifford juga menceritakan situasi Orang Asli yang melaksanakan pelbagai strategi dan taktik untuk menyelamatkan diri.
- <sup>4</sup> Lihat laporan bertajuk "Tentera Darat Menentang Insurgensi Komunis 1968-1989" yang diterbitkan oleh Markas Angkatan Tentera Malaysia (2001).
- <sup>5</sup> Data dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli melalui Bahagian Penyelidikan dan Perancangan JHEOA sehingga Disember 2003.
- <sup>6</sup> Tinjauan di Kampung Sungai Mok, Kuala Rompin, Pahang juga mendapati pengusaha pertanian berbangsa Cina banyak menggunakan tanah milik Orang Asli untuk menanam buah-buahan. Orang Asli hanya menjadi pekerja sahaja dan tidak mendapat peluang sebagai rakan kongsi atau sebagainya yang lebih menguntungkan.
- <sup>7</sup> Maklumat diperolehi daripada data Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sehingga Disember 2003.
- <sup>8</sup> Masalah tanah milik Orang Asli di negeri Perak diulas dengan terperinci oleh Hasan (1996).
- <sup>9</sup> Tinjauan di perkampungan Orang Asli di Ulu Legong, Baling, Kedah ternyata menunjukkan keadaan rumah yang sangat daif di samping persekitaran yang tidak terurus dan kotor. Keadaan daif sedemikian bertepatan dengan hasil pemerhatian yang pernah ditonjolkan oleh Williams-Hunt (1952) dan Carey (1976) tentang hidup Orang Asli yang sangat sederhana.
- <sup>10</sup> Shaiful Bahri (2004) dalam makalahnya juga pernah menggunakan cerita lisan Orang Asli di Endau, Johor untuk mengungkapkan pengalaman tertindas masyarakat tersebut semasa zaman feodal Melayu dahulu. Hasilnya, beliau menemui bahawa setiap watak dalam cerita itu disimbolkan kepada unsur keganasan serta unsur penindasan yang sangat nyata. Cerita Buaya Sangkut umpamanya, boleh diinterpretasikan sebagai tindakan 'orang luar' yang disimbolkan sebagai buaya yang sentiasa mengejar keluarga malang itu (Orang Asli) jauh ke pedalaman.
- <sup>11</sup> Scott (1985) juga memaparkan wujudnya kelompok masyarakat di Sedaka yang hanya boleh menentang ketidakadilan hanya melalui protes dan boikot sahaja. Mereka hanya berperang menggunakan 'perkataan' sahaja disebabkan mereka tidak memiliki kuasa dan kekuatan.
- <sup>12</sup> Menurut sumber penduduk tempatan di Kampung Denai, Kuala Rompin, Pahang, penduduk masyarakat Jakun turut terlibat dalam membantu askar untuk menangkap seorang

- anggota komunis yang berpangkat tinggi semasa darurat.
- <sup>13</sup> Batin Pilok bin Nok Pau dari suku kaum Semai adalah Batin Kampung Sungai Koyan, Kuala Lipis, Pahang. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam berhadapan dengan ancaman komunis di negeri Pahang. Batin Pilok juga pernah dianugerahkan surat penghargaan daripada Kementerian Dalam Negeri kerana kerjasamanya dengan kerajaan semasa menghadapi ancaman komunis 1948-1960.
  - <sup>14</sup> Reid (1983: 234) mengulas tentang konsep 'penjara terbuka' yang dilakukan oleh pembesar Melayu dan pepencerita terhadap Orang Asli di Endau, Johor. Mereka 'dikurung' dalam kawasan hutan demi mendapatkan hasil hutan yang lumayan untuk keuntungan para pepencerita.
  - <sup>15</sup> Data maklumat daripada Bahagian Penyelidikan Dan Perancangan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia.
  - <sup>16</sup> Khalid bin Pura merupakan anak kepada pencerita yang bernama Pura Taman yang boleh dikatakan mengamalkan hidup secara agak sederhana sahaja.
  - <sup>17</sup> Antaranya, kepakaran Orang Asli di Pahang pernah digunakan untuk membantu mengesan kehilangan sebuah helikopter Nuri milik tentera Malaysia bersama enam pegawai dan anggota di dalamnya yang terhempas di kawasan hutan di Bentong, Pahang pada 14 Julai 2007. Keterangan lanjut, lihat *Harian Metro* 15 Julai 2007, halaman 5.
  - <sup>18</sup> Hasil kerja lapangan di Pos Batau, Kuala Lipis Pahang.
  - <sup>19</sup> Batin Santat dari Kampung Lubok Bandung, Melaka adalah bekas anggota Senoi Praq. Dalam satu wawancara beliau mengakui bahawa zaman darurat itu Orang Asli terpaksa bekerjasama dengan askar kerajaan dan komunis secara serentak akibat ketakutan. Namun, secara positifnya, ia menunjukkan betapa kemahiran dan kepakaran Orang Asli diperlukan oleh kedua-dua angkatan bersenjata itu.

#### RUJUKAN

- Abdullah C.D. 1998. *Perang Anti British dan Perdamaian*. Hong Kong: Nan Dao Publishers.
- Aminudin Baki. 1966. The institution of debt-slavery in Perak. *Peninjau Sejarah* 1 (1):1-13.
- Bauman, R. (pnyt.). 1992. *Folklore, Cultural Performance and Popular Entertainments*. New York: Oxford University Press.
- Carey, Iskandar. 1976. *Orang Asli the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. New York: Oxford University Press.
- Clifford, H. 1989. (Edisi semak). *In Court and Kampung*. Singapore: Graham Brash.
- Dundes, A. 1980. *Interpreting Folklore*. Bloomington: Indiana University Press.
- Endicott, K. & Endicott, K. 1993. What we learn from Bateq. *Kumpulan Kertas Kerja Kolokium Orang Asli Sedunia*, hlm. 16-19.
- Hall, D.G.E. 1984. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Howell, S. 1982. *Che Wong Myth and Legends*. Kuala Lumpur: Art Printing Works.
- Hasan Mat Noor. 1996. *Tanah dan Masyarakat Orang Asli: Kajian Kes di Empat Buah Kampung Orang Asli di Batang Padang, Perak*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hervey, D.F.A. 1881. The Endau and its tributaries. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* 7: 93-124.

- Holiday, D. 2003. *Bes Hyang Dney and Other Jah Hut Stories*. Subang Jaya: Centre of Orang Asli Concern.
- Juli Edo. 1990. *Tradisi Lisan Masyarakat Semai*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Laurenson, D. 1972. *The Sociology of Literature*. New York: Schocken Books.
- Lim Boo Liat. 1984. *Kisah-kisah Haiwan Orang Asli*. Selangor: Eastern University Press.
- Linda Tuhiwai Smith. 2003. *Decolonizing Methodologies Research and Indegenous People*. London: Zed Books.
- Leary, J. 1989. The importance of Orang Asli in the Malayan emergency 1948-1960. Kertas kerja seminar Universiti Monash, Australia, April.
- Maida, Narifumi. 2001. *The Orang Hulu: A Report on Malaysian Orang Asli In The 1960's*. Subang Jaya: Centre of Orang Asli Concern.
- Maxwell W.E. 1890. The law relating to slavery among the Malays. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* 21: 247-297.
- Miller, H. 1972. *Jungle War in Malaya: The Campaign Against Communism 1948-1960*. London: Arthur Barker Limited.
- Reid, A. 1983. *Slavery, Bondage and Dependency in Southeast Asia*. London: University of Queensland Press.
- Sapardi Djoko Damono. 1979. *Sosiologi Sastera sebuah Pengantar Ringkas*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Jabatan Pendidikan dan Kebudayaan.
- Shaiful Bahri Md Radzi. 2004. Aku ingin bebas! Tradisi lisan dan suara kecil masyarakat Orang Hulu di lembangan Sungai Endau. *Melayu* 1(3): 146-162.
- Wellek, R. 1963. *The Theory of Literature*. Middlesex: Penguin Books.
- Zawawi Ibrahim (pnys.). 1996. *Kami Bukan Anti Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia.

*Mohamad Luthfi Abdul Rahman, Ph.D.*

*Pensyarah Kanan*

*Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan*

*Universiti Sains Malaysia*

*11800 USM, Minden, Pulau Pinang, MALAYSIA.*

E-mail: luthfi@usm.my

*Shaiful Bahri Md Radzi, Ph.D.*

*Profesor Madya*

*Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu*

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.*

E-mail: sbmr@ukm.my

*Hanapi Dollah, Ph.D.*

*Profesor Madya*

*Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu*

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.*

